



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

**PATUHI GARIS KESELAMATAN PELANCONGAN, WAJIB MENYEDIAKAN
PEMANDU PELANCONG BERLESEN**

**MENTERI: PERJALANAN PERKHIDMATAN SHUTTLE TERTENTU BOLEH
MOHON PENGECUALIAN**

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) ingin memberikan penjelasan berhubung tindakan penguatkuasaan baru-baru ini terhadap kenderaan pelancongan yang menjalankan perkhidmatan tanpa menyediakan pemandu pelancong berlesen semasa melaksanakan jadual perjalanan pelancongan.

Menurut Akta Industri Pelancongan 1992 (Akta 482), mana-mana perjalanan persiaran atau aktiviti pemanduan pelancong, kenderaan yang membawa pelawat bagi tujuan pelancongan hendaklah mempunyai lesen yang sah.

Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Dato Sri Tiong King Sing menegaskan bahawa tugas pemandu adalah memandu kenderaan, manakala tugas pemandu pelancong adalah memberi penerangan dan menjaga kebajikan pelancong.

“Sehubungan itu, saya tidak menggalakkan kenderaan pelancongan yang menjalankan perjalanan persiaran membenarkan pemandu memegang dua peranan serentak sebagai pemandu kenderaan dan pemandu pelancong. Hal ini kerana keadaan ini boleh menyebabkan pemandu gagal memberi tumpuan sepenuhnya ketika mengemudi kenderaan mereka.

“Dalam usaha memajukan industri pelancongan Malaysia, memastikan keselamatan pelancongan dan pelancongan yang selamat adalah tanggungjawab yang mesti dipikul bersama.”

Aspek keselamatan pelancongan dan pembahagian tugas secara profesional tidak boleh dipandang ringan. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, Malaysia telah menyaksikan beberapa kemalangan jalan raya melibatkan pelawat asing dan jumlahnya menunjukkan peningkatan, sekali gus menjejaskan imej negara serta perkembangan industri pelancongan.

Oleh itu, kementerian komited dalam memastikan operasi pelancongan mematuhi piawaian keselamatan dan keperluan undang-undang.

Walau bagaimanapun, mengambil kira keperluan operasi sebenar dalam industri serta situasi pergerakan pelancong antara lokasi yang berbeza, kementerian melalui garis panduan yang dikeluarkan pada tahun 2009 telah memperuntukkan pengecualian tatacara (administrative exemption) dalam keadaan tertentu melibatkan keperluan menggunakan khidmat pemandu pelancong. Peraturan ini masih berkuat kuasa hingga kini.

Pengecualian khidmat pemandu pelancong akan terpakai secara automatik bagi perjalanan shuttle yang hanya melibatkan perkhidmatan pengangkutan dari satu lokasi ke satu lokasi (point-to-point), dengan jumlah pelancong tujuh (7) orang ke bawah, sama ada pelawat tempatan atau asing.

Pengecualian tatacara sedia ada hanya terpakai kepada perkhidmatan pengangkutan point-to-point yang ditakrifkan secara ketat, dan tidak merangkumi sebarang bentuk aktiviti persiaran, penerangan atau persinggahan di lokasi tarikan.

Bagi kenderaan pelancongan yang membawa tujuh (7) orang ke atas untuk tujuan pengangkutan, pengusaha berkaitan hendaklah mengemukakan permohonan kepada Pesuruhjaya Pelancongan melalui Sistem Pelesenan dan Penguatkuasaan Pelancongan (Sistem TOURLIST) sebelum pengecualian boleh dipertimbangkan.

Dato Sri Tiong King Sing menegaskan bahawa tindakan penguatkuasaan dilaksanakan berdasarkan peruntukan undang-undang semasa dan bukan menyasarkan mana-mana pihak tertentu. Semua pengusaha pelancongan berlesen hendaklah mematuhi

sepenuhnya kehendak undang-undang. Sebarang pelanggaran peruntukan atau penyalahgunaan mekanisme pengecualian boleh dikenakan tindakan seperti denda, pendakwaan atau penggantungan lesen.

“Kami mendapati terdapat segelintir pengusaha pelancongan berlesen yang mengamalkan ‘penyewaan’ lesen, iaitu menyewakan lesen kepada pemandu kenderaan pelancongan atau pengendali kenderaan pelancongan. Perkara ini tidak lagi boleh kami biarkan.

“Dalam isu melibatkan keselamatan pelancong, seluruh industri harus memikul tanggungjawab, dan bukannya terus beroperasi dengan sikap tidak bertanggungjawab. Jika didapati berlaku pelanggaran sedemikian, tindakan tegas akan diambil,” ujar beliau.

Selain itu, kementerian bersikap terbuka terhadap tafsiran atau cadangan berbeza yang dikemukakan oleh pihak industri, dan mengalu-alukan dialog meja bulat melalui saluran rasmi.

Perbincangan dasar hendaklah dilaksanakan dalam kerangka institusi dan bukannya melalui kenyataan awam secara sebelah pihak, bagi memastikan persefahaman yang selaras serta mengelakkan kekeliruan.

“Pada asalnya dimaklumkan bahawa memorandum akan dikemukakan kepada kementerian, namun sebaliknya memilih untuk membuat petisyen terbuka sebagai satu ‘pertunjukan umum’. Apakah niat di sebaliknya? Pendekatan sebegini tidak saya terima, kerana segala perkara sepatutnya dibincangkan secara tenang, rasional dan membina di meja rundingan.”

Pembangunan industri pelancongan mesti berteraskan keselamatan, profesionalisme dan pematuhan undang-undang. Pemandu memberi tumpuan kepada pemanduan, manakala pemandu pelancong menjalankan tugas penerangan secara khusus, merupakan keperluan asas dalam menjamin keselamatan pelancong serta reputasi industri.

Selain itu, Dato Sri Tiong King Sing turut menyatakan bahawa industri pengangkutan pelancongan melibatkan dua sistem pelesenan, iaitu lesen kenderaan yang dikeluarkan oleh Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD), serta lesen syarikat pelancongan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya. Sistem dwi-lesen ini berpotensi menimbulkan kekeliruan dari segi tafsiran dalam pelaksanaan operasi dan penguatkuasaan.

Oleh itu, perbincangan antara MOTAC dengan Kementerian Pengangkutan dalam pengurusan lesen sedang berjalan di peringkat akhir. Langkah seterusnya adalah untuk memperjelas had pengurusan lesen dan bidang kuasa penguatkuasaan, bagi memastikan tanggungjawab yang jelas, piawaian yang seragam, serta mengelakkan pertikaian antara pengusaha dan pihak berkuasa akibat perbezaan tafsiran.

Langkah ini juga mencerminkan komitmen kementerian dalam memelihara pembangunan ekosistem pelancongan negara yang sihat, serta memastikan pelaksanaan selari dengan matlamat keseluruhan Tahun Melawat Malaysia 2026.

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC)
11 Februari 2026

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC)
Tel: 03-8000 8000 Fax: 03-8891 7181
Website: www.motac.gov.my Email: group.ukk@motac.gov.my
Facebook, Instagram, X & TikTok: @mymotac

